




**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

10 DISEMBER 2021

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 263 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 236,638 kes. Sebanyak enam (6) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu masing-masing satu (1) kes di Kota Kinabalu, Kota Marudu, Kinabatangan, Kota Belud, Kudat dan Sipitang. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 411 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 227,066 orang. Manakala 1,118 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 540 orang di hospital, 568 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, lapan (8) orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara dan dua (2) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 46 orang merangkumi 46 di ICU/repurposed kritikal care manakala 17 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*). Manakala bilangan pesakit *stage* empat (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 34 (25.56%).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada perubahan zon dicatatkan

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning empat (4) daerah.
- Zon Jingga dua (2) daerah.
- Zon Merah 21 daerah.

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

i. Kedudukan Kes Positif COVID-19

- a. Jumlah kes harian hari ini jatuh di bawah paras angka 300, iaitu 263 kes. Jumlah terbaru ini merupakan 66 kes lebih rendah daripada semalam.
- b. Kebanyakan daerah mencatatkan jumlah kes yang lebih rendah berbanding sebelumnya. Walaupun Kota Kinabalu kekal penyumbang terbanyak kes-kes di Sabah tetapi jumlah hari ini (47) adalah 26 kes lebih rendah daripada kelmarin. Tuaran juga turun 5 kes (27), Penampang berkurangan 6 kes (25) dan Ranau turun 9 kes (14).
- c. Beaufort menambah 10 kes (18) hari ini dan Tenom naik 5 kes (16). Lima (5) daerah tidak mencatat sebarang kes baharu (sifar) iaitu, Kalabakan, Tongod, Nabawan, Kunak dan Semporna. 11 daerah lain mencatatkan kes baharu di bawah paras 10.
- d. Pembukaan aktiviti-aktiviti ekonomi yang semakin luas dan rancak juga meningkatkan interaksi antara penduduk. Majlis-majlis sosial dan rekreasi bertambah rancak dan perkumpulan tidak dapat dielakkan. Walau bagaimanapun, adalah diharapkan agar semua rakyat kekal mematuhi semua SOP termasuk memakai pelitup dan mengamalkan penjarakan fizikal. Disiplin diri penting bagi mengurangkan risiko jangkitan khususnya semasa berada di tempat yang ramai orang.
- e. Jangkitan secara sporadik sering berlaku semasa berada dikhalayak ramai atau berkumpulan. Statistik jelas menunjukkan peratusan jangkitan secara sporadik adalah tinggi setiap hari. Hari ini peratusan jangkitan yang berpunca daripada jangkitan sporadik ialah 41.4%. Angka ini tidak jauh berbeza dengan peratusan penyumbang utama jangkitan yakni kontak rapat yang mencatat 48.3%. *
- f. Seramai 252 daripada 263 orang pesakit hari ini adalah dalam Kategori 1 dan Kategori 2, empat (4) orang dalam Kategori 3, dua (2) orang dalam Kategori 4 dan juga dua (2) pesakit dalam Kategori 5. Seramai tiga (3) kes lagi masih dalam penilaian JKNS.

g. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (127) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. Perincian Kes COVID-19 Hari Ini

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	1	0.38%
2	Bergejala	109	41.44%
3	Kontak	127	48.29%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	26	9.88%
JUMLAH		263	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (9 Disember 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 09/12/2021	Catatan Kes 10/12/2021	Perbandingan
1	Beaufort	8	18	+10
2	Telupid	2	10	+8
3	Tenom	11	16	+5
4	Lahad Datu	3	7	+4
5	Kota Marudu	6	9	+3
6	Pitas	4	6	+2
7	Kota Belud	16	17	+1
8	Beluran	1	2	+1
9	Kuala Penyu	6	6	Mendatar
10	Tawau	5	5	Mendatar
11	Tambunan	3	3	Mendatar
12	Semporna	0	0	Mendatar
13	Kota Kinabalu	73	47	-26
14	Keningau	18	6	-12
15	Ranau	23	14	-9
16	Kudat	10	2	-8
17	Papar	19	12	-7
18	Kinabatangan	9	2	-7
19	Penampang	31	25	-6
20	Tuaran	32	27	-5
21	Tongod	5	0	-5
22	Kunak	4	0	-4
23	Kalabakan	4	0	-4
24	Sipitang	4	1	-3
25	Nabawan	2	0	-2
26	Sandakan	13	12	-1
27	Putatan	17	16	-1
JUMLAH		329	263	-66

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (26 November – 09 Disember)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	20	24	0	3	47	814
Tuaran	0	21	4	0	2	27	635
Penampang	0	12	13	0	0	25	402
Beaufort	0	10	7	0	1	18	251
Kota Belud	0	13	4	0	0	17	355
Putatan	0	9	7	0	0	16	220
Tenom	0	5	8	0	3	16	157
Ranau	1	5	7	0	1	14	297
Papar	0	3	8	0	1	12	292
Sandakan	0	8	4	0	0	12	118
Telupid	0	6	4	0	0	10	33
Kota Marudu	0	4	4	0	1	9	192
Lahad Datu	0	0	1	0	6	7	64
Keningau	0	2	2	0	2	6	212
Kuala Penyu	0	5	1	0	0	6	149
Pitas	0	1	4	0	1	6	77
Tawau	0	0	2	0	3	5	69
Tambunan	0	0	3	0	0	3	69
Kudat	0	0	1	0	1	2	119
Kinabatangan	0	1	0	0	1	2	143
Beluran	0	1	1	0	0	2	75
Sipitang	0	1	0	0	0	1	81
Tongod	0	0	0	0	0	0	27
Kunak	0	0	0	0	0	0	6
Kalabakan	0	0	0	0	0	0	7
Nabawan	0	0	0	0	0	0	3
Semporna	0	0	0	0	0	0	7
JUMLAH	1	127	109	0	26	263	4,874

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Ranau	Kluster Debut Timbua	1
Jumlah		1

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 4,250 unit

- Hospital 1,209 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,851 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 162 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 26.31%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 10 DISEMBER 2021

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	257
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	1
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	0
Orang Dalam Tahanan /Banduan	5
Jumlah	263

Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	
United Kingdom	1
Jumlah	1

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	243
Bukan Malaysia	20
Jumlah	263

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 12)	51
Belum Menerima Vaksin	32
Menerima 1 Dos	4
Lengkap 2 Dos	176
Jumlah	263

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	6
1 to 5	22
6 to 11	23
12 to 17	21
18 to 25	29
26 to 59	139
>60	23
Jumlah	263

C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 09 Disember 2021 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 3,277 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,946 orang adalah penduduk dewasa dan 331 orang adalah penduduk remaja.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 09 Disember 2021 adalah seramai 2,443,895 orang. Ini meliputi 2,108,826 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 76.45% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,396,099 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,086,879 orang atau 75.66% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 335,069 orang atau 77.20% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 309,220 atau 71.25% orang setakat ini.

D BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **679,776** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 11 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 7,617 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, tiada kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 44 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 12 kompaun melanggar SOP COVID-19 dikeluarkan di seluruh Sabah.
 - 11 Orang : Individu Gagal Memastikan Penjarakan Fizikal
 - Satu (1) Orang : Pemilik Premis Gagal Melaksanakan Penjarakan Fizikal

- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 158 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 46 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
 - i Sebanyak 929 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Tiada kompaun dikeluarkan oleh PBT. Sebanyak satu (1) notis/amaran dikeluarkan oleh PBT iaitu Tawau.
 - ii DBKK telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 221 premis perniagaan dan 307 individu di 18 kawasan. Sepuluh (10) kompaun dikenakan ke atas individu dengan kesalahan individu gagal mendaftar masuk premis menggunakan aplikasi MySejahtera atau Buku Pendaftaran di Brilliant Hopes Enterprose, Alamesra (2 Orang), J & T Express, Alamesra (1 Orang), ABC Superstore, Alamesra (3 Orang), Restoran Adzig, Alamesra (1 Orang), AMG Auto, Alamesra (1 Orang) dan LHY Development Resources Sdn. Bhd. (2 Orang). Dua (2) kompaun dikenakan ke atas premis dengan kesalahan pemilik premis gagal memastikan pekerja mendaftar ke premis sama ada menggunakan aplikasi MySejahtera / Buku Pendaftaran di Brilliant Hopes Enterprise, Alamesra dan LHY Resources Sdn. Bhd., Indah Premai.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 347 Premis Perniagaan melibatkan 170 anggota APM. Sebanyak empat (4) Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 111 anggota di 222 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di enam (6) premis, melibatkan empat (4) buah BBP pada hari ini.
- 8 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 103 hebahan di seluruh Sabah.

F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **98.6%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Lahad Datu	98.7%
2	Kota Kinabalu	98.7%
3	Penampang	98.7%
4	Ranau	98.7%
5	Kudat	98.6%
6	Sipitang	98.6%
7	Kota Belud	98.6%
8	Sandakan	98.6%
9	Tawau	98.6%
10	Kinabatangan	98.6%
11	Kota Marudu	98.6%
12	Beaufort	98.6%
13	Kunak	98.6%
14	Papar	98.6%
15	Tuaran	98.5%
16	Semporna	98.5%
17	Tenom	98.5%
18	Keningau	98.5%
19	Beluran	98.5%

2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#SabahMajuJaya

#KeluargaMalaysia

#LindungDiriLindungSemua

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**